

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

1. Kebelakangan ini, semakin banyak kejadian membabitkan pelajar seperti kes buli, rogol dan keganasan yang berlaku di kawasan sekolah serta sekitar persekitaran pendidikan. Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menangani peningkatan kes-kes membabitkan pelajar di sekolah-sekolah serta usaha kerjasama dengan pihak polis dan agensi berkaitan bagi memastikan keselamatan pelajar terus terpelihara?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Antara usaha Kerajaan Negeri bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani kes buli dan keselamatan pelajar di sekolah terus terpelihara adalah seperti berikut:
  - (i) Program Kesedaran dan Pendidikan:
    - 1) Menganjurkan ceramah anti-buli di sekolah; dan
    - 2) Memberi penerangan kepada pelajar tentang akibat undang-undang jika terlibat dalam kes buli.
  - (ii) Kerjasama dengan pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG):
    - 1) Menjalin kerjasama rapat dengan guru disiplin, kaunselor dan PIBG bagi mengesan awal pelaku dan mangsa buli; dan

- 2) Membantu pihak sekolah dalam menyiasat kes buli yang dilaporkan dan memastikan tindakan susulan di ambil.
- (iii) Tindakan siasatan dan penguatkuasaan:
- 1) Menyiasat setiap aduan atau laporan kes buli dengan telus dan profesional; dan
  - 2) Mengambil keterangan daripada mangsa, saksi, dan pelaku bagi memastikan keadilan semua pihak.
- (iv) Unit rondaan dan pemantauan sekolah:
- 1) Menjalankan rondaan berkala di kawasan sekolah dan persekitaran; dan
  - 2) Mengelakkan pergaduhan atau kejadian buli di luar pagar sekolah.
- (v) Peranan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS):
- 1) PPS ditugaskan di setiap sekolah.
  - 2) PPS bertindak sebagai penghubung antara pihak sekolah dan PDRM dalam menangani masalah disiplin dan keselamatan pelajar.
- (vi) Saluran aduan dan perlindungan mangsa:
- 1) Menyediakan saluran aduan selamat bagi mangsa atau saksi untuk melaporkan kes buli.
  - 2) Memastikan identiti mangsa dilindungi semasa proses siasatan dijalankan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

2. Berapakah jumlah rumah ibadat Islam dan bukan Islam yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang?
  - (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan keharmonian antara semua rumah ibadat ini dapat dipelihara?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Jumlah rumah ibadat Islam di Negeri Pulau Pinang yang berdaftar dengan Majlis Agama Negeri Pulau Pinang berjumlah 216 buah masjid dan 553 buah surau manakala rumah ibadat bukan Islam di Pulau Pinang menurut rekod Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Pulau Pinang dan *Penang Harmony Corporation* (HARMONICO) berjumlah 1,093 buah meliputi Tokong Buddha, Tokong Tao, Kuil Hindu, Gereja, Wat Siam dan Gurdwara.
  - (a) Kerajaan Negeri memandang serius dalam menjaga keharmonian antara kaum dan agama di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, antara usaha Kerajaan Negeri memastikan keharmonian antara semua rumah ibadat sentiasa dipelihara adalah seperti berikut:
    - (i) Penggubalan dan Penguatkuasaan Garis Panduan Perancangan dalam memastikan pembinaan dan penempatan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) dan

tempat ibadat Islam (masjid/surau) mematuhi garis panduan perancangan yang ketat;

- (ii) Mengambil pendekatan berhemah dan bukan tindakan keras dalam menyelesaikan isu rumah ibadat yang dibina tanpa kebenaran;
- (iii) Pendekatan secara rundingan dalam menyelesaikan isu-isu sensitif kaum dan agama;
- (iv) Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan kewangan dan bantuan kepada rumah ibadat Islam dan tempat ibadat bukan Islam (RIBI) sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap masyarakat majmuk;
- (v) Mempromosikan perpaduan dan keharmonian sosial dengan menyokong program-program yang dapat memupuk kefahaman dan saling menghormati dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama di Negeri Pulau Pinang;
- (vi) Kerajaan Negeri melalui bahagian penguatkuasaan negeri akan sentiasa melaksanakan pemantauan aktiviti keagamaan agar tiada unsur ekstremisme atau penghinaan terhadap agama lain; dan
- (vii) Semua rumah ibadat Islam dan bukan Islam dibina dan beroperasi mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa agar tidak menimbulkan konflik dalam komuniti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

3. Nyatakan jumlah sekolah yang menjalankan kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di Pulau Pinang.
  - (a) Berapa jumlah pelajar yang sedang mengikuti PPKI di seluruh Pulau Pinang?
  - (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam menyokong keperluan pendidikan khas mereka?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Bilangan sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas integrasi (PPKI) di Pulau Pinang seperti berikut:
  - (i) Sekolah Rendah: 55 Sekolah; dan
  - (ii) Sekolah Menengah: 36 Sekolah
  - (a) Jumlah pelajar yang sedang mengikuti PPKI di seluruh Pulau Pinang bagi sekolah rendah adalah seramai 2,610 orang manakala sekolah menengah seramai 1,996 orang.
  - (b) Antara langkah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam menyokong keperluan pendidikan khas adalah seperti berikut:

## 1. Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Khas:

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) mempunyai Sektor Pendidikan Khas yang sentiasa memantau dan memberikan perkhidmatan sokongan kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) di seluruh Pulau Pinang melalui Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas (3PK) di Pulau Pinang. 3PK mempunyai empat (4) orang Pegawai Bidang Khusus iaitu Pegawai Intervensi Pembelajaran, Pegawai Psikologi, Pegawai Terapi Pertuturan dan Bahasa serta Pegawai Terapi Cara Kerja. 3PK di Pulau Pinang berpusat di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam dengan menyediakan perkhidmatan saringan, penilaian dan intervensi bagi MBPK serta memberikan perkongsian ilmu, latihan dan konsultasi kepada guru, ibu bapa dan komuniti agar dapat mengurangkan impak ketidakupayaan MBPK di samping meningkatkan potensi MBPK. Ini menunjukkan komitmen negeri untuk menyediakan logistik dan sokongan sistemik terhadap MBPK.

## 2. Peningkatan akses dan kualiti untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK):

- (i) Meningkatkan pelaksanaan pengajaran & pembelajaran (P&P) guru perdana dan guru pendidikan khas termasuk dalam peperiksaan awam;
- (ii) Memantapkan perkhidmatan sokongan seperti saringan, penilaian, intervensi dan konsultasi pendidikan khas;
- (iii) Cadangan dan penyediaan peralatan sokongan pendidikan khas yang bersesuaian mengikut keperluan MBPK serta latihan penggunaan peralatan sokongan yang dibekalkan;
- (iv) Penempatan kelas PPKI yang kondusif;

- (v) Memantapkan program transisi ke kerjaya bagi MBPK; dan
  - (vi) Kerjasama strategik dengan agensi swasta/awam di luar sekolah.
3. Pengisian guru dan pembangunan kapasiti guru untuk kelas PPKI:

Meski terdapat kekurangan guru yang memiliki opsyen pendidikan khas JPNPP telah mengadakan kursus Pendidikan Khas kepada guru-guru bukan opsyen Pendidikan Khas yang berminat untuk mengajar di PPKI. Ini membolehkan guru bukan opsyen tersebut dilatih dan mengisi kekurangan guru di PPKI. Latihan bagi pembangunan kapasiti dalam bidang pengurusan murid berkeperluan pendidikan khas, literasi & numerasi, kemahiran digital/ICT sentiasa dijalankan. Ini sebagai persediaan guru untuk menguasai ilmu dan kaedah terkini dalam pengurusan MBPK.

4. Pembekalan peralatan sokongan pembelajaran:

Beberapa buah PPKI dan Sekolah Pendidikan Khas (SPK) telah dibekalkan dengan peralatan sokongan pembelajaran seperti *Smartboard*, *Smart TV*, kit motor kasar dan kit motor halus serta alat bantuan pembelajaran bagi MBPK penglihatan dan pendengaran. Ini bagi membantu guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan kepada MBPK.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

4. Berapakah jumlah pelawat warga asing yang mendapatkan rawatan perubatan di hospital swasta di Pulau Pinang dari tahun 2023 sehingga 2025?
- (a) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menggalakkan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Berdasarkan data daripada anggota *Penang Centre of Medical Tourism* (PMED) di bawah Penang Global Tourism, seramai 406,072 pelawat warga asing telah mendapatkan rawatan di hospital swasta di Pulau Pinang pada tahun 2023. Pada tahun 2024, jumlah tersebut meningkat kepada 418,608, manakala bagi tempoh Januari hingga September 2025, sebanyak 262,695 pelawat warga asing telah menerima rawatan di hospital swasta anggota PMED.
- (a) Melalui inisiatif oleh PMED, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha bagi menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang.

Antara inisiatif yang dijalankan termasuk penyertaan dalam siri jelajah promosi (roadshow) ke luar negara seperti China, Hong Kong, Indonesia dan Jepun di bawah Penang Global Tourism (PGT), serta penyertaan dalam *Malaysia*

*Healthcare Expo* (MHX) di Bandung dan Jakarta melalui kerjasama dengan *Malaysian Healthcare Travel Council* (MHTC). Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyertai *ASEAN Tourism Fair 2023* di Yogyakarta, Indonesia sebagai langkah memperluas jaringan promosi pelancongan perubatan di peringkat serantau.

Selain itu, PMED turut bekerjasama dengan institusi perbankan dalam penganjuran sesi ceramah kesihatan yang melibatkan pegawai pemasaran dari hospital swasta di Pulau Pinang sebagai usaha memperkukuh kerjasama dan menarik potensi pelanggan.

Bagi meningkatkan aksesibiliti pelancong perubatan ke Pulau Pinang menjelang Tahun Pelancongan Perubatan Malaysia 2026, PMED turut memeterai *Memorandum of Cooperation* (MOC) bersama AirAsia pada 14 Oktober 2025 bagi melaksanakan *Boarding Pass Privilege Programme* yang bertujuan menarik lebih ramai pelancong perubatan ke negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

5. Berapakah jumlah dan peratusan warga emas di Pulau Pinang pada masa ini?
- (a) Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menghadapi cabaran negeri berpenduduk menua (*aging state*)?

**YB LIM SIEW KHIM**


**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Menurut unjuran penduduk Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2025, seramai 151,477 orang atau 8.4% daripada keseluruhan 1.8 juta penduduk Negeri Pulau Pinang terdiri daripada warga emas.
- (a) Berikut adalah strategi Kerajaan Negeri dalam menangani cabaran ini:
- (i) Satu pelan hala tuju penuaan aktif telah dilancarkan pada 30 September 2022 dalam menyediakan akses dan peluang kepada setiap golongan terutamanya warga emas untuk terus menjalani kehidupan yang aktif sepanjang proses penuaan. Pelan hala tuju ini terbahagi kepada tiga (3) fasa iaitu, Fasa Kesedaran, Fasa Integrasi dan Fasa Kemampunan. Perincian dan infografik berkenaan pelan hala tuju ini adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (ii) Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif untuk mewujudkan Bandar Mesra Usia (Age-Friendly

City) yang bertujuan membentuk persekitaran bandar yang inklusif, selamat dan menyokong kesejahteraan warga emas. Melalui pendekatan yang digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), usaha ini memberi manfaat besar kepada warga emas antaranya peningkatan kualiti hidup melalui penyediaan kemudahan awam mesra usia, penggalakan penyertaan sosial dan ekonomi, serta pengukuhan jaringan sokongan komuniti.

- (iii) Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKM) turut memperkasakan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang berfungsi sebagai pusat komuniti bagi warga emas. PAWE menjalankan aktiviti seperti kelas memasak, senamrobik, bengkel kemahiran, serta aktiviti sosial bagi menggalakkan penyertaan aktif dan meningkatkan kesejahteraan mental serta fizikal mereka. Sehingga kini, sembilan (9) buah PAWE telah ditubuhkan dan beroperasi secara aktif di seluruh negeri.

Melalui platform PAWE ini juga, Kerajaan Negeri telah melancarkan Kempen Warga Emas Celik, yang menumpukan kepada lima (5) komponen utama pembangunan warga emas, iaitu Celik Sosial, Celik Digital, Celik Kewangan, Celik Hak Bersuara, dan Celik Penuaan Aktif. Inisiatif ini merupakan pendekatan holistik Kerajaan Negeri dalam mempersiapkan Pulau Pinang menghadapi cabaran sebagai negeri berpenduduk menua dengan memperkasa warga emas agar kekal berdaya saing, berpengetahuan, berdikari dan berperanan aktif dalam masyarakat selaras dengan prinsip penuaan aktif dan inklusif yang menjadi teras kepada pembangunan sosial negeri.



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

6. Senaraikan jenis makanan tradisional di Pulau Pinang yang telah diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan.
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menambah lebih banyak makanan tempatan dalam senarai tersebut untuk memastikan bahawa makanan tersebut adalah asli dari Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Sehingga kini terdapat sebanyak 213 makanan tradisional di Malaysia yang telah diwartakan sebagai makanan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Daripada keseluruhan senarai tersebut, 29 makanan adalah merupakan makanan tradisi yang berkaitan dengan Pulau Pinang. Senarai makanan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri telah mencalonkan 10 makanan tradisional Negeri Pulau Pinang untuk diwartakan di bawah Akta 645. Makanan Tradisional tersebut ialah Nasi Kandar, Pasembur, Char Koay Kak, Mi Hokkien, Mi Udang, Mi Sotong, Mi Jawa, Kerabu Bihun, Oh Chien dan Roti Benggali.

Pejabat Pesuruhjaya Warisan Negeri kini sedang menjalankan kajian makanan tempatan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Warisan di bawah Enakmen

Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 (Enakmen 14) dan seterusnya akan dicalonkan untuk diwartakan di bawah Akta 645.

**Senarai Makanan Warisan yang Berkaitan Dengan Pulau Pinang  
(Diwartakan di Bawah Akta 645)**

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Makanan</b>	<b>Tahun Pewartaan</b>
1	Nasi Lemak	2009
2	Mi Mamak	2009
3	Laksa Asam	2009
4	Char Kuey Teow Pulau Pinang	2009
5	Halwa Sukun	2009
6	Yong Tau Fu	2009
7	Kari Kepala Ikan	2009
8	Teh Tarik	2009
9	Cendol	2009
10	Apam Balik	2009
11	Roti Canai	2009
12	Kurma Daging	2009
13	Bubur Cha-Cha	2012
14	Pulut Tekan dengan Seri Kaya	2012
15	Popia	2012
16	Pie Tee	2012
17	Choonpiah	2012
18	Kari Kapitan	2012
19	Ayam Pong Teh	2012
20	Gerang Asam	2012
21	Inche Kabin	2012
22	Kasui	2012
23	Rojak	2012
24	Keema	2012
25	Ais Kepal	2015
26	Kuih Ros	2015
27	Kuih Bangkit	2015
28	Sup Tulang	2015
29	Aiskrim Malaysia	2018

**Keputusan Penilaian Jawatankuasa Pakar Warisan Makanan Bagi Pencalonan Makanan Tradisional Pulau Pinang Di Bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005**

<b>BIL.</b>	<b>MAKANAN</b>	<b>STATUS PENGESYORAN</b>
1.	Nasi Kandar	Warisan Kebangsaan
2.	Pasembur	Warisan Kebangsaan
3.	Char Kue Kak	Warisan Kebangsaan
4.	Mi Hokkien	Warisan
5.	Mi Udang	Warisan
6.	Mi Sotong	Warisan
7.	Mi Jawa	Warisan
8.	Kerabu Bihun	Warisan
9.	Oh Chien	Warisan
10.	Roti Benggali	Warisan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

7. Berapakah jumlah kos perbelanjaan yang ditanggung oleh PDC bagi penganjuran Minggu Pulau Pinang (*Penang Week*)?
- (a) Apakah impak ekonomi serta promosi yang diperolehi daripada program tersebut?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

7. Minggu Pulau Pinang di Ekspo Dunia Osaka 2025 telah berlangsung dari 22 September 2025 sehingga 27 September 2025. Kos keseluruhan yang ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi penganjuran program ini adalah sebanyak RM1.4 juta menggunakan peruntukan yang telah diluluskan. Kos ini turut disokong oleh *Ministry of Investment, Trade and Industry* (MITI) melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) sebanyak RM220,000.00 bagi sokongan program.
- (a) Penganjuran Minggu Pulau Pinang (*Penang Week*) di Pavilion Malaysia sempena World Expo 2025 Osaka telah memberi impak positif yang signifikan kepada imej dan ekonomi Negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Program ini berjaya memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan berteknologi tinggi, pusat inovasi dan destinasi pelancongan budaya yang terkemuka di rantau ini.

Dari segi impak ekonomi, *Penang Week* telah membuka peluang kerjasama strategik dengan pelabur dan syarikat antarabangsa melalui 20 sesi padanan perniagaan (*business matching*) yang melibatkan syarikat dari Jepun. Sepanjang program ini, tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) turut ditukar antara Penang Development Corporation (PDC) dan pelabur asing, melibatkan nilai pelaburan berpotensi berjumlah RM426 juta, iaitu dengan FedEx (RM153 juta), DHL (RM153 juta) dan Shizen International & Atlantic Blue (RM120 juta).

Dari aspek promosi antarabangsa, program ini telah memperkenalkan kekuatan Pulau Pinang melalui pelbagai aktiviti seperti demonstrasi masakan tempatan, serta pameran syarikat dan usahawan Pulau Pinang dalam sektor semikonduktor, halal dan pelancongan. Penyertaan ini turut memperkukuh jaringan pelaburan, pelancongan dan diplomasi perdagangan antara Pulau Pinang dan Jepun serta memposisikan negeri ini sebagai destinasi utama untuk pelaburan berkualiti tinggi dan pelancongan berasaskan warisan.

Selain itu, warisan budaya tidak ketara Pulau Pinang turut diketengahkan melalui pertunjukan fesyen kebaya nyonya dan batik yang diadakan setiap petang di pentas Pavilion Malaysia. Persembahan ini berjaya menarik perhatian pengunjung antarabangsa dengan menampilkan keanggunan dan kehalusan seni busana tradisional Pulau Pinang. Kejayaan kebaya nyonya yang telah diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO pada Disember 2024 menjadi pemangkin kepada usaha Kerajaan Negeri untuk terus memartabatkan warisan ini di pentas global. Sambutan luar biasa daripada para pengunjung membuktikan bahawa warisan budaya Pulau Pinang bukan sahaja kaya dengan nilai estetik tetapi juga mampu memperkukuh imej negeri ini sebagai destinasi pelancongan budaya bertaraf dunia.

Sepanjang tempoh penganjurannya, Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka tersebut menerima sambutan luar biasa dengan jumlah pengunjung yang amat memberangsangkan. Sehubungan itu, pelaksanaan program jelajah "*Not The Penang You Know*" di Osaka adalah amat bertepatan pada masanya, kerana ia dapat memanfaatkan momentum dan minat tinggi rakyat Jepun terhadap Malaysia yang tercetus melalui pameran Pavilion Malaysia di World Expo 2025 Osaka. Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan minat tersebut dengan menggalakkan pelancong Jepun memilih Malaysia, khususnya Pulau Pinang, sebagai destinasi pelancongan pilihan mereka.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

8. Nyatakan bajet Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Bandaraya Seberang Perai dari 2023 hingga kini yang merangkumi perjanjian program, prestasi perbelanjaan dan laporan penemuan audit dalaman 2023 hingga kini.

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. **Bajet Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)** dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti berikut:

<b>KETERANGAN</b>	<b>TAHUN</b>		
	<b>2023 (RM)</b>	<b>2024 (RM)</b>	<b>2025 (RM)</b>
Pendapatan	372,291,620.00	398,970,562.00	433,276,775.00
Perbelanjaan	405,167,328.00	418,910,766.00	466,311,183.00
<b>Defisit</b>	<b>(32,875,708.00)</b>	<b>(19,940,204.00)</b>	<b>(33,034,408.00)</b>

**Bajet Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** dari tahun 2023 sehingga kini adalah seperti berikut:

<b>KETERANGAN</b>	<b>TAHUN</b>		
	<b>2023 (RM)</b>	<b>2024 (RM)</b>	<b>2025 (RM)</b>
Pendapatan	314,599,954.00	339,663,650.00	367,285,750.00
Perbelanjaan	357,130,824.00	378,492,350.00	416,075,750.00
<b>Defisit</b>	<b>(42,530,870.00)</b>	<b>(38,828,700.00)</b>	<b>(48,790,000.00)</b>

**Teras Bajet dan Prestasi Perbelanjaan MBPP** bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**Teras Bajet dan Prestasi Perbelanjaan MBSP** bagi tahun 2023, 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

**Laporan Penemuan Audit Dalam MBPP dan MBSP** dari tahun 2023 sehingga 2025 yang telah dikeluarkan adalah seperti berikut:

<b>LAPORAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN</b>		
<b>TAHUN</b>	<b>MBPP</b>	<b>MBSP</b>
2023	21	19
2024	20	19
2025	16 (setakat 4 November 2025)	13 (setakat 24 Oktober 2025)

LAMPIRAN A

TERAS BAJET DAN PRESTASI PERBELANJAAN MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP)  
BAGI TAHUN 2023, 2024 DAN 2025

Bil.	Teras	Bajet 2023	Perbelanjaan 2023	Bajet 2024	Perbelanjaan 2024	Bajet 2025	Perbelanjaan 2025 (setakat September)
		(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)
1	Cleaner	71.65	68.83	62.71	57.19	61.35	39.39
2	Greener	14.97	15.10	21.62	19.83	22.24	5.04
3	Mobility	16.01	15.51	15.77	12.89	15.73	6.32
4	Smarter	34.50	20.00	15.76	16.21	22.63	5.61
5	Economic	17.00	8.94	19.11	13.99	33.32	7.03
6	Lain-Lain	-	-	3.7	1.71	7.37	3.72
<b>Jumlah</b>		<b>154.13</b>	<b>128.38</b>	<b>138.67</b>	<b>121.82</b>	<b>162.64</b>	<b>67.11</b>

LAMPIRAN B

TERAS BAJET DAN PRESTASI PERBELANJAAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)  
BAGI TAHUN 2023, 2024 DAN 2025

Bil.	Teras (Perjanjian Program)	Bajet 2023	Perbelanjaan 2023	Bajet 2024	Perbelanjaan 2024	Bajet 2025	Perbelanjaan 2025
		(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)	(RM juta)
1	Persekitaran yang Selamat	36.91	38.39	41.69	39.65	47.52	27.01
2	Kemudahan dan Infrastruktur yang Berkualiti	20.06	19.93	20.43	21.10	21.89	13.60
3	Gaya Hidup Sihat	12.57	11.52	12.40	13.44	13.18	9.42
4	Pembangunan Hijau dan Persekitaran Bersih	123.58	128.14	144.78	153.13	150.56	113.81
5	Penerapan Teknologi Baharu	13.94	9.03	13.89	10.30	14.89	5.16
6	Ekonomi Bandar yang Berdaya Saing	26.68	23.99	25.25	23.63	24.66	16.13
7	Memperkukuhkan Budaya dan Warisan	4.73	3.19	5.80	3.16	3.01	1.00
8	Bandar yang Berdaya Tahan dan Berdaya Huni	95.78	83.49	88.99	73.30	99.01	60.4
9	Keterlibatan Komuniti	6.52	6.07	6.70	5.60	6.87	4.00
10	Pembangunan Bandar yang Inklusif dan Saksama	16.36	15.07	18.56	14.89	34.48	20.35
<b>Jumlah</b>		<b>357.13</b>	<b>338.82</b>	<b>378.49</b>	<b>358.20</b>	<b>416.07</b>	<b>270.88</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

9. Apakah status terkini projek pembinaan Akademi Badminton di Persiaran Karpal Singh yang bernilai RM460 juta yang dilaksanakan melalui konsep "Built-Operate-Transfer" antara Chief Minister Incorporated (CMI) dan PGBC Sdn Bhd?
- (a) Bilakah kerja pembinaan dijangka dimulakan memandangkan projek ini telah diumumkan sejak tahun 2023?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pada 27 Disember 2023, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) telah menandatangani Perjanjian Pajakan Tanah bersama PGBC Sdn. Bhd. bagi tujuan pembangunan di atas tanah milikan CMI di PT214 dan PT217, Seksyen 8, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

**Status Terkini Projek:**

Pihak PGBC Sdn. Bhd. telah melantik perunding projek bagi penyediaan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) untuk pembangunan berkenaan.

Pada 9 Ogos 2024, syarikat PGBC melalui perunding projek telah mengemukakan permohonan pengecualian laporan penilaian SIA (*Social Impact Assessment*), TIA (*Traffic Impact Assessment*) dan EIA (*Environmental Impact Assessment*) kepada CMI untuk pertimbangan. Permohonan tersebut telah dipanjangkan kepada

jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan untuk ulasan teknikal. Walau bagaimanapun, jabatan dan agensi kerajaan berkenaan tidak dapat menyediakan ulasan memandangkan pelan pembangunan yang dikemukakan adalah tidak lengkap serta dokumen sokongan tambahan diperlukan bagi tujuan semakan lanjut.

Pada 9 April 2025, pihak perunding telah mengemukakan semula pelan dan dokumen lengkap kepada CMI untuk dipertimbangkan.

Pada 21 Mei 2025, CMI telah memohon perunding untuk meneruskan penyediaan Pelan Kebenaran Merancang dengan mengadakan perbincangan bersama agensi teknikal yang berkaitan.

Terkini, pihak PGBC sedang dalam proses menyiapkan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) yang akan dikemukakan kepada pihak berkuasa untuk pertimbangan dan kelulusan.

- (a) Kerja-kerja pembinaan dijangka dimulakan pada pertengahan tahun 2026, tertakluk kepada kelulusan rasmi Pelan Kebenaran Merancang. CMI akan terus memantau kemajuan projek ini dengan rapi bagi memastikan pelaksanaannya berjalan mengikut perancangan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

10. Pelaksanaan tanpa visa 90(30+30+30) hari warganegara China ke Malaysia berkuatkuasa 17 Julai 2025, kemukakan statistik (bulanan/jantina/umur) terkini mereka:-
- (i) Yang masuk melalui pintu pelabuhan Pulau Pinang / LTAB Bayan Lepas; dan
  - (ii) Mereka ini yang kemudiannya melanjutkan visa 30+30/30+30+30 hari dengan kaedah keluar-masuk (singkat antara 1-21 hari) melalui pintu LTAB / pelabuhan atau sempadan Thailand/Indonesia.

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (i) Statistik terkini warganegara China ke Malaysia adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (ii) Data bagi mereka yang kemudiannya melanjutkan visa dengan kaedah keluar-masuk melalui pintu Lapangan Terbang Antarabangsa, pelabuhan atau sempadan Thailand/Indonesia adalah di luar bidang dan kawalan Jabatan Imigresen Malaysia Pulau Pinang.

STATISTIK KETIBAAN DAN PELEPASAN PELANCONG WARGANEGARA CHINA DI  
LTA PULAU PINANG DAN PELABUHAN PULAU PINANG BAGI JULAI – SEPTEMBER 2025

## A) LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG

BULAN	MASUK		KELUAR	
	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN
JUL	12,675	13,283	13,127	13,469
OGOS	12,560	13,067	16,052	16,886
SEPT	7,825	7,117	8,742	7,095
JUMLAH	33,060	33,467	37,921	37,450

**B) PELABUHAN PULAU PINANG**

BULAN	PENUMPANG						ANAK KAPAL					
	KEMASUKAN			PEMERGIAN			KEMASUKAN			PEMERGIAN		
	LELAKI	PEREMPUAN		LELAKI	PEREMPUAN		LELAKI	PEREMPUAN		LELAKI	PEREMPUAN	
JUL	316	469		316	469		143	298		143	298	
OGOS	71	132		71	132		44	99		44	99	
SEPT	66	148		66	148		83	190		83	190	
<b>JUMLAH</b>	<b>453</b>	<b>749</b>		<b>453</b>	<b>749</b>		<b>270</b>	<b>587</b>		<b>270</b>	<b>587</b>	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

11. Berapa jumlah banglo yang terdapat di atas Bukit Bendera pada masa ini?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengawal pembangunan banglo baharu di kawasan tersebut memandangkan kawasan Bukit Bendera diiktiraf sebagai UNESCO Biosphere Reserve?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Mengikut rekod Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera 2020–2030 (RKKBB) yang dijangka akan diwartakan dalam masa terdekat, terdapat sebanyak 52 unit banglo di kawasan Bukit Bendera. Daripada jumlah tersebut, 36 unit dikenal pasti sebagai banglo warisan, dengan satu (1) banglo (banglo Bel Retiro) tersenarai sebagai bangunan warisan di bawah Jabatan Warisan Negara (JWN) manakala 35 banglo lagi disenaraikan sebagai bangunan warisan di bawah Jabatan Konservasi Warisan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Daripada senarai banglo warisan tersebut, sebanyak sembilan (9) banglo warisan adalah milik Kerajaan Negeri iaitu Bel Retiro, *Gate*

*House, Convalescent, Edgecliff, Woodside, Hillside, Fern Hill, Southview dan Crag Hotel.*

- (a) RKKBB telah menggariskan cadangan pembangunan semula dan pemuliharaan adaptif bagi banglo-banglo yang terletak di kawasan ini bagi memastikan kelestarian fungsi serta nilai warisan dapat dikekalkan. Namun demikian, memandangkan kebanyakan lot banglo sedia ada mempunyai kawasan rata dan keluasan efektif pembangunan yang terhad, sebarang pembangunan baharu perlu dilaksanakan secara terkawal dan berlandaskan prinsip pembangunan mampan, serta mematuhi sepenuhnya garis panduan RKK, *Penang Safety Guideline for Hill Site Development (2<sup>nd</sup> Edition 2020)*, dan syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

12. Kemukakan statistik kesihatan mental Pulau Pinang, 2020 hingga kini (mengikut KADUN/ jantina/ umur/ kaum/ pekerjaan/ kewarganegaraan) di pusat perubatan kerajaan/swasta seperti berikut:-
- (a) Jenis: *Anxiety/panic-disorder/phobias, OCD, ADHD, depression, bipolar, eating-disorders, PTSD, psychotic/schizophrenia* dll;
  - (b) Bilangan yang sembuh, masih dirawat, gagal dirawat;
  - (c) Punca menghadapi penyakit mental; dan
  - (d) Perbandingan statistik Pulau Pinang dengan negeri lain.

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Bagi statistik kesihatan mental mengikut jenis dan bilangan pesakit yang sembuh serta sedang dirawat, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai data yang khusus. Walau bagaimanapun, 4.6% daripada rakyat Malaysia berumur 16 tahun ke atas mengalami kemurungan.
- (a) Pihak JKNPP tidak merekodkan data statistik kesihatan mental mengikut diagnosis penyakit dan status rawatan pesakit. Namun, Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental mempunyai rekod statistik kedatangan pesakit ke jabatan ini seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES
2020	17,870
2021	16,832
2022	17,534
2023	16,555
2024	17,645
2025 (Sehingga bulan Sept)	13,429

- (b) Jabatan ini tidak menggunakan istilah sembuh dalam menentukan samada pesakit boleh didiscaj dari rawatan susulan di klinik atau tidak. Namun terdapat pesakit di Jabatan ini yang boleh didiscaj dari rawatan lanjut. Walau bagaimanapun, tidak semua kes di Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental boleh didiscaj bergantung kepada diagnosis pesakit. Terdapat sesetengah pesakit yang memerlukan rawatan seumur hidup seperti pesakit skizofrenia. Namun terdapat juga pesakit yang boleh didiscaj dari Jabatan seperti contoh pesakit dengan "*behavioral issue*". Namun demikian, Jabatan ini tidak merekodkan bilangan pesakit yang didiscaj dari klinik.

Istilah gagal dirawat juga tidak digunakan di Jabatan ini kerana pesakit yang masih memerlukan rawatan akan sentiasa diberikan temujanji klinik dan tidak akan didiscaj dari Jabatan.

Bagi pesakit yang masih menerima rawatan pula, Jabatan ini hanya merekodkan jumlah kes ulangan yang diterima pada setiap tahun dan tidak mempunyai data bilangan pesakit. Sebaliknya, Jabatan ini hanya mempunyai data bilangan pesakit baru yang diterima pada setiap tahun.

- (c) Berikut ialah punca-punca utama penyakit mental yang diiktiraf oleh pakar kesihatan mental dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM):

- (i) Faktor Biologi (Dalam Tubuh)

Beberapa masalah kesihatan mental berpunca daripada perubahan atau gangguan pada fungsi otak dan bahan kimia dalam badan.

Antara contohnya:

- (1) Ketidakseimbangan bahan kimia otak (neurotransmitter) seperti serotonin dan dopamin.
- (2) Kecederaan otak akibat kemalangan atau jangkitan.
- (3) Faktor genetik / keturunan – risiko lebih tinggi jika ahli keluarga terdekat mengalami kemurungan, skizofrenia, atau gangguan bipolar.
- (4) Masalah hormon seperti gangguan tiroid atau selepas bersalin (postpartum depression).

#### (ii) Faktor Psikologi (Emosi dan Pemikiran Individu)

Faktor psikologi sering menjadi pencetus utama penyakit mental, antaranya:

- (1) Tekanan (Stres) berpanjangan di tempat kerja, sekolah atau rumah.
- (2) Trauma masa lalu, seperti penderaan fizikal, emosi, atau seksual.
- (3) Kehilangan besar, contohnya kematian orang tersayang, perceraian, atau kehilangan pekerjaan.
- (4) Rendah harga diri dan rasa tidak berdaya.
- (5) Corak pemikiran negatif yang berulang dan tidak terkawal.

#### (iii) Faktor Sosial dan Persekitaran

- (1) Persekitaran hidup yang tidak sihat boleh menyumbang kepada tekanan mental
- (2) Konflik keluarga dan hubungan interpersonal yang tidak stabil.
- (3) Keganasan rumah tangga atau pengabaian.
- (4) Kehidupan bandar yang mencabar, seperti tekanan ekonomi, kos sara hidup tinggi, dan persaingan.
- (5) Stigma sosial terhadap penyakit mental yang menghalang individu mendapatkan bantuan awal.
- (6) Isolasi sosial – kekurangan sokongan daripada keluarga atau rakan.

- (d) Bagi perbandingan statistik negeri Pulau Pinang berdasarkan Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Remaja Tahun 2022, remaja yang berumur antara 13 hingga 17 tahun, 24.5% kalangan remaja mengalami kemurungan, iaitu sedikit lebih rendah berbanding dengan prevalens di Malaysia.

Laporan ini juga menunjukkan remaja perempuan lebih cenderung mengalami kemurungan berbanding dengan remaja lelaki di Malaysia dan juga di Pulau Pinang, dengan prevalens 36.1% berbanding dengan 17.7% di Malaysia, manakala 29.9% berbanding dengan 19.1% di Pulau Pinang.

Sebanyak 13.1% di kalangan remaja di Malaysia mempunyai pemikiran untuk bunuh diri, 10.0% perancangan untuk membunuh diri, dan 9.5% pernah mencuba bunuh diri. Manakala di Pulau Pinang, prevalens adalah sedikit lebih rendah berbanding dengan data nasional tetapi masih membimbangkan di mana 12.0% remaja di Pulau Pinang mempunyai pemikiran untuk bunuh diri, 9.5% perancangan untuk membunuh diri, dan 9.3% pernah mencuba bunuh diri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

13. Nyatakan statistik jumlah tenaga mengajar/cikgu/tutor (mengikut kewarganegaraan, jantina, kaum, umur) di peringkat sekolahrendah/menengah(SRK,SRJK,SMK,SMJK,SAR,Pondok, Mubaligh,Khas),sekolah swasta/antarabangsa (termasuk statistik perbandingan antara sekolah kerajaan dan swasta/antarabangsa) mengikut KADUN dan sekolah, 2018 hingga 2025 berikut:-
- (a) Tahap pendidikan (sijil, diploma, ijazah-sarjana, kedoktoran/PhD).
  - (b) Pecahan mengikut bidang pengajian tenaga mengajar/cikgu/tutor.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Statistik jumlah tenaga mengajar/cikgu/tutor (mengikut : kewarganegaraan, jantina, kaum, umur) di peringkat sekolah rendah/menengah (SRK,SRJK,SMK,SMJK,SAR, Pondok, Mubaligh, Khas), sekolah swasta/antarabangsa (termasuk statistic perbandingan antara sekolah kerajaan dan swasta/antarabangsa) mengikut KADUN dan sekolah, 2018 hingga 2025 mengikut tahap pendidikan dan pecahan mengikut bidang pengajian tenaga mengajar/cikgu/tutor adalah seperti di **LAMPIRAN A** (sila imbas kod QR)

LAMPIRAN A



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

14. Kemukakan statistik pendidikan peringkat sekolah rendah/ menengah (SRK, SRJK, SMK, SMJK, SAR, Pondok, Mubaligh, Khas) termasuk swasta/antarabangsa (berdasarkan: jantina, umur, kaum, kewarganegaraan) mengikut KADUN dan sekolah, 2018 hingga 2025 seperti berikut:-
- (a) Bilangan pelajar yang mendaftar (*enroll*)/ menarik-diri (*disenroll*) ke institusi pendidikan swasta.
  - (b) Bilangan pelajar warganegara dan asing yang terus memulakan pendidikan sekolah swasta.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Statistik pendidikan peringkat sekolah rendah/menengah mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala bagi sekolah swasta/antarabangsa seperti di **LAMPIRAN B**.
- (a) Bilangan pelajar yang mendaftar (*enroll*)/ menarik-diri (*disenroll*) ke institusi pendidikan swasta seperti di **LAMPIRAN B**.
  - (b) Bilangan warganegara dan asing yang terus memulakan pendidikan sekolah swasta seperti di **LAMPIRAN B**.

## STATISTIK PENDIDIKAN PERINGKAT RENDAH DAN MENENGAH NEGERI PULAU PINANG

PPD / DUN / SEKOLAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
BARAT DAYA	40	36	34	77	58	83	79	21	428
BATU MAUNG	5	11	6	9	13	21	14	6	85
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHUNG SHAN		3	3	7	5	12	4	4	38
CINA		3	3	7	5	11	4	4	37
LELAKI		1	1		1	3		1	7
WARGANEGARA		1	1		1	3		1	7
D1						3		1	4
D4		1							1
D6			1		1				2
PEREMPUAN		2	2	7	4	8	4	3	30
WARGANEGARA		2	2	7	4	8	4	3	30
D1			1	1	2	1	1	1	7
D2				1		2			3
D3			1			1	3	1	6
D4				1		1			2
D5				1	1	3		1	6
D6		2		3	1				6
INDIA						1			1
PEREMPUAN						1			1
WARGANEGARA						1			1
D1						1			1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) WEN KHAI	3	4		1	1	1	2	1	13
CINA	2	4		1	1	1		1	10
LELAKI		1			1	1			3
WARGANEGARA		1			1	1			3
D1					1				1
D5		1							1
D6						1			1
PEREMPUAN	2	3		1				1	7
WARGANEGARA	2	3		1				1	7
D1		2		1					3
D4		1							1
D5	1								1
D6	1							1	2
MELAYU	1						2		3
LELAKI							2		2
WARGANEGARA							2		2
D3							1		1
D4							1		1
PEREMPUAN	1								1
WARGANEGARA	1								1
D6	1								1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) SUNGAI ARA					1				1
INDIA					1				1
PEREMPUAN					1				1
WARGANEGARA					1				1
D4					1				1
SEKOLAH KEBANGSAAN BATU MAUNG				1					1
MELAYU				1					1
PEREMPUAN				1					1
WARGANEGARA				1					1
D6				1					1
SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG DAMAR LAUT							2	1	3
MELAYU							2	1	3
LELAKI							2	1	3
WARGANEGARA							2	1	3
D3								1	1
D4							1		1
D6							1		1
SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA		2	1			1	4		8
MELAYU		2	1			1	4		8
LELAKI		2	1			1	3		7
BUKAN WARGANEGARA		1							1
D5		1							1
WARGANEGARA		1	1			1	3		6
D2		1					1		2
D3						1	1		2
D4							1		1
D6			1						1
PEREMPUAN							1		1
WARGANEGARA							1		1
D6							1		1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU MAUNG		2	2		6	6	2		18
CINA			2		6	5	2		15
LELAKI					2	4			6
WARGANEGARA					2	4			6
P					1	3			4
T1					1	1			2
PEREMPUAN			2		4	1	2		9
WARGANEGARA			2		4	1	2		9
P							1		1
T1			2		4	1	1		8
INDIA		2							2
LELAKI		2							2
WARGANEGARA		2							2
T4		2							2
MELAYU						1			1
LELAKI						1			1
WARGANEGARA						1			1
T1						1			1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI ARA	2					1			3

PPD / DUN / SEKOLAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
MELAYU	2					1			3
LELAKI	1								1
WARGANEGARA	1								1
T4	1								1
PEREMPUAN	1					1			2
BUKAN WARGANEGARA	1								1
T4	1								1
WARGANEGARA						1			1
T6R						1			1
BAYAN LEPAS	23	11	20	24	17	23	37	7	162
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) AIK HUA							2		2
CINA							2		2
PEREMPUAN							2		2
WARGANEGARA							2		2
D1							1		1
KHAS							1		1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG CHENG	12	3	9	10	8	13	12		67
CINA	12	3	9	10	7	12	12		65
LELAKI	5		4	4	3	5	2		23
BUKAN WARGANEGARA						1			1
D5						1			1
WARGANEGARA	5		4	4	3	4	2		22
D1	1		1	2		1			5
D2			1						1
D3					1		1		2
D4	1								1
D5	1			2	1	1	1		6
D6	2		2		1	2			7
PEREMPUAN	7	3	5	6	4	7	10		42
BUKAN WARGANEGARA							1		1
D6							1		1
WARGANEGARA	7	3	5	6	4	7	9		41
D1	2	2	5	4	1	2	4		20
D2						2			2
D3					1		2		3
D4	2	1				2			5
D5	2			1	1		2		6
D6	1			1	1	1	1		5
LAIN-LAIN					1				1
LELAKI					1				1
BUKAN WARGANEGARA					1				1
D5					1				1
MELAYU						1			1
PEREMPUAN						1			1
WARGANEGARA						1			1
D4						1			1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YANG CHENG								1	1
CINA								1	1
LELAKI								1	1
WARGANEGARA								1	1
D3								1	1
SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS			1	3					4
MELAYU			1	3					4
LELAKI			1	1					2
WARGANEGARA			1	1					2
D6			1	1					2
PEREMPUAN				2					2
WARGANEGARA				2					2
D5				1					1
D6				1					1
SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS 2	1		1		1		3		6
MELAYU	1		1		1		3		6
LELAKI	1		1		1		1		4
WARGANEGARA	1		1		1		1		4
D2							1		1
D3	1				1				2
D4			1						1
PEREMPUAN							2		2
TIADA MAKLUMAT							1		1
D3							1		1
WARGANEGARA							1		1
D4							1		1
SEKOLAH KEBANGSAAN MUTIARA PERDANA	1	2	1	3		2	5	2	16
MELAYU	1	2	1	3		2	5	2	16
LELAKI		2	1	2		2	4	1	12
WARGANEGARA		2	1	2		2	4	1	12
D1						1	1		2
D2							1		1
D3		1		1			1		3
D4			1				1		2
D5		1				1			2
D6				1				1	2
PEREMPUAN	1			1			1	1	4
BUKAN WARGANEGARA	1								1
D5	1								1
WARGANEGARA				1			1	1	3
D1							1		1
D4				1				1	2
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI BAYU			2	1		1	1		5
MELAYU			2	1		1	1		5
LELAKI			1	1			1		3
TIADA MAKLUMAT			1						1
D5			1						1

PPD / DUN / SEKOLAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
WARGANEGARA				1			1		2
D4							1		1
D5				1					1
PEREMPUAN			1			1			2
WARGANEGARA			1			1			2
D4			1						1
D6						1			1
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI RELAU	1	2	2	3	3	2	5		18
CINA							1		1
LELAKI							1		1
WARGANEGARA							1		1
KHAS							1		1
MELAYU	1	2	2	3	3	2	4		17
LELAKI	1	2	2	1	3	1	3		13
TIADA MAKLUMAT							1		1
D3							1		1
WARGANEGARA	1	2	2	1	3	1	2		12
D1		1			1				2
D2				1			1		2
D3			1			1			2
D4	1				1				2
D6			1				1		2
D6					1				1
KHAS		1							1
PEREMPUAN				2		1	1		4
WARGANEGARA				2		1	1		4
D1				1		1			2
D4							1		1
D5				1					1
SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI BATU			1		2	2	1		6
MELAYU			1		2	2	1		6
LELAKI						1			1
WARGANEGARA						1			1
D5						1			1
PEREMPUAN			1		2	1	1		5
WARGANEGARA			1		2	1	1		5
D1						1	1		2
D2				1					1
D6					2				2
SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	6	2	2				1		11
MELAYU	6	2	2				1		11
LELAKI	5	2	2				1		10
WARGANEGARA	5	2	2				1		10
D1			1						1
D2							1		1
D3	1								1
D4	1								1
D5	1	1							2
D6	2	1	1						4
PEREMPUAN	1								1
WARGANEGARA	1								1
D5	1								1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BAYAN LEPAS				2	2	2	2	1	9
CINA				1	1				2
LELAKI				1					1
WARGANEGARA				1					1
T1				1					1
PEREMPUAN					1				1
WARGANEGARA					1				1
T1					1				1
MELAYU				1	1	2	2	1	7
LELAKI					1	2	2	1	6
WARGANEGARA					1	2	2	1	6
T1							1	1	2
T2					1	1			2
T4							1		1
T5						1			1
PEREMPUAN				1					1
WARGANEGARA				1					1
T4				1					1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BAYU	1			1		1	2		5
MELAYU	1			1		1	2		5
LELAKI				1		1	2		4
WARGANEGARA				1		1	2		4
KHAM							1		1
T1				1			1		2
T2						1			1
PEREMPUAN	1								1
WARGANEGARA	1								1
T2	1								1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TELOK KUMBAR	1	2	1	1	1		3	3	12
INDIA			1						1
LELAKI			1						1
WARGANEGARA			1						1
T4			1						1
MELAYU	1	2		1	1		3	3	11
LELAKI	1	2			1				4
WARGANEGARA	1	2			1				4
T1					1				1
T4	1	2							3
PEREMPUAN				1			3	3	7
WARGANEGARA				1			3	3	7
T4				1			2	3	6

PPD / DUN / SEKOLAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
T6							1		1
PANTAI JEREJAK	2	4	2	11	6	12	6	2	46
SEKOLAH KEBANGSAAN BAYAN BARU	1	2	1	2		2	1	1	10
CINA		1							1
LELAKI		1							1
WARGANEGARA		1							1
KHAS		1							1
MELAYU	1	1	1	2		2	1	1	9
LELAKI		1	1	2		2	1	1	8
WARGANEGARA		1	1	2		2	1	1	8
D1				1					1
D3						1			1
D4			1	1					2
D6							1	1	2
KHAS		1				1			2
PEREMPUAN	1								1
WARGANEGARA	1								1
D6	1								1
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PERMAI	1	1		5	2	6	2	1	18
INDIA	1			2		1			4
LELAKI	1			1					2
WARGANEGARA	1			1					2
D2	1								1
D6				1					1
PEREMPUAN				1		1			2
WARGANEGARA				1		1			2
D2						1			1
D3				1					1
LAIN-LAIN				1					1
PEREMPUAN				1					1
WARGANEGARA				1					1
D1				1					1
MELAYU		1		2	2	5	2	1	13
LELAKI		1		1	1	4	1	1	9
WARGANEGARA		1		1	1	4	1	1	9
D2						1			1
D3						1			1
D5		1		1	1	1			4
D6						1	1		2
PEREMPUAN				1	1	1	1		4
WARGANEGARA				1	1	1	1		4
D3						1			1
D4					1				1
D5							1		1
D6				1					1
SEKOLAH KEBANGSAAN SG NIBONG			1	4	4	4	1		14
LAIN-LAIN							1		1
PEREMPUAN							1		1
BUKAN WARGANEGARA							1		1
D5							1		1
MELAYU			1	4	4	4			13
LELAKI			1		4	2			7
WARGANEGARA			1		4	2			7
D1						1			1
D2						1			1
D3						1			1
D4			1		1				2
D5						1			1
D6					1				1
PEREMPUAN				4		2			6
BUKAN WARGANEGARA				1					1
D5				1					1
WARGANEGARA				3		2			5
D4				1		1			2
D5				1					1
D6				1		1			2
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAJA TUN UDA		1					2		3
MELAYU		1					2		3
PEREMPUAN		1					2		3
WARGANEGARA		1					2		3
T1							1		1
T4		1					1		2
PULAU BETONG	3	7	4		16	17	10	3	60
KOLEJ VOKASIONAL BALIK PULAU	1	1							2
CINA	1								1
PEREMPUAN	1								1
WARGANEGARA	1								1
T3KV	1								1
MELAYU		1							1
LELAKI		1							1
WARGANEGARA		1							1
T3KV		1							1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) CHONG TEIK					4	3	1		8
CINA					4	3	1		8
LELAKI						1	1		2
WARGANEGARA						1	1		2
D5							1		1
D6							1		1
PEREMPUAN					4	2			6
WARGANEGARA					4	2			6
D1					2	1			3
D2					1				1
D3						1			1

PPD / DUN / SEKOLAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
D4					1				1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) SACRED HEART		1						1	2
CINA		1						1	2
LELAKI								1	1
WARGANEGARA								1	1
D6								1	1
PEREMPUAN		1							1
WARGANEGARA		1							1
D1		1							1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) TAR THONG	2	2							4
CINA	2	2							4
LELAKI	2								2
WARGANEGARA	2								2
D6	2								2
PEREMPUAN		2							2
WARGANEGARA		2							2
D1		2							2
SEKOLAH KEBANGSAAN BALIK PULAU		1	1		4	7	3		16
INDIA					1				1
LELAKI					1				1
WARGANEGARA					1				1
D2					1				1
MELAYU		1	1		3	7	3		15
LELAKI		1	1		2	7	2		13
WARGANEGARA		1	1		2	7	2		13
D1						2	1		3
D2						1			1
D3		1					1		2
D4						1			1
D5					1				1
D6					1	1			2
KHAS			1			2			3
PEREMPUAN					1		1		2
WARGANEGARA					1		1		2
D3					1				1
D5							1		1
SEKOLAH KEBANGSAAN GENTING					1	2	1		4
MELAYU					1	2	1		4
LELAKI						1	1		2
WARGANEGARA						1	1		2
D1							1		1
D2						1			1
PEREMPUAN					1	1			2
WARGANEGARA					1	1			2
D1					1				1
D2						1			1
SEKOLAH KEBANGSAAN KONGSI					1	1		1	3
MELAYU					1	1		1	3
LELAKI						1		1	2
WARGANEGARA						1		1	2
D4						1		1	2
PEREMPUAN					1				1
WARGANEGARA					1				1
D2					1				1
SEKOLAH KEBANGSAAN TAN SRI AWANG HAD SALLEH			1		1	1		1	4
MELAYU			1		1	1		1	4
LELAKI			1					1	2
WARGANEGARA			1					1	2
D4								1	1
D5			1						1
PEREMPUAN					1	1			2
WARGANEGARA					1	1			2
D2						1			1
D3					1				1
SEKOLAH KEBANGSAAN TITI TERAS			1		1				2
MELAYU			1		1				2
LELAKI			1		1				2
WARGANEGARA			1		1				2
D4			1						1
D5					1				1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PONDOK UPEH					1	1	2		4
INDIA					1				1
LELAKI					1				1
WARGANEGARA					1				1
T3					1				1
MELAYU						1	2		3
LELAKI							2		2
WARGANEGARA							2		2
T3							1		1
T4							1		1
PEREMPUAN						1			1
WARGANEGARA						1			1
T2						1			1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI BALIK PULAU		2	1		3	2	3		11
CINA		1							1
PEREMPUAN		1							1
WARGANEGARA		1							1
T6A		1							1
INDIA		1							1
LELAKI		1							1
WARGANEGARA		1							1
T6R		1							1
MELAYU			1		3	2	3		9

PPD / DUN / SEKOLAH	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	JUMLAH
LELAKI			1		3	1	1		6
WARGANEGARA			1		3	1	1		6
T1							1		1
T3						1			1
T4					3				3
T5			1						1
PEREMPUAN						1	2		3
WARGANEGARA						1	2		3
T1							1		1
T2						1			1
T3							1		1
<b>TELOK BAHANG</b>	<b>7</b>	<b>3</b>	<b>2</b>	<b>33</b>	<b>6</b>	<b>10</b>	<b>12</b>	<b>3</b>	<b>76</b>
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YEOK HUA	2								2
CINA	2								2
LELAKI	1								1
WARGANEGARA	1								1
D1	1								1
PEREMPUAN	1								1
WARGANEGARA	1								1
D5	1								1
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) YU CHYE						1			1
CINA						1			1
PEREMPUAN						1			1
WARGANEGARA						1			1
D2						1			1
SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI KOROK	2								2
MELAYU	2								2
PEREMPUAN	2								2
WARGANEGARA	2								2
D4	1								1
D6	1								1
SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI PINANG				2	1				3
MELAYU				2	1				3
LELAKI				1					1
WARGANEGARA				1					1
D5				1					1
PEREMPUAN				1	1				2
WARGANEGARA				1	1				2
D3					1				1
D4				1					1
SEKOLAH KEBANGSAAN SUNGAI RUSA	1	2	2	1	3	4		3	16
MELAYU	1	2	2	1	3	4		3	16
LELAKI	1	1	2	1	1	3		2	11
WARGANEGARA	1	1	2	1	1	3		2	11
D2						1		1	2
D4	1		1						3
D5						1			1
D6		1	1	1	1	1			5
PEREMPUAN		1			2	1		1	5
WARGANEGARA		1			2	1		1	5
D3		1			1				2
D4						1		1	2
D5					1				1
SEKOLAH KEBANGSAAN TELOK BAHANG	2				2	1	3		8
MELAYU	2				2	1	3		8
LELAKI	2				2		1		5
WARGANEGARA	2				2		1		5
D4	1				1				2
D5					1				1
D6	1				1				2
PEREMPUAN						1	2		3
WARGANEGARA						1	2		3
D3							1		1
D4							1		1
D6						1			1
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SACRED HEART				29		4	9		42
CINA				29		4	9		42
LELAKI				12		1	6		19
WARGANEGARA				12		1	6		19
P						1	3		4
T1				11			2		13
T4							1		1
T6				1					1
PEREMPUAN				17		3	3		23
WARGANEGARA				17		3	3		23
